



# SIARAN MEDIA

## MAJLIS PELANCARAN

### OPS SIAGA RAYA AIDILFITRI TAHUN 2024

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Mac 2024 – YB Tuan Nga Kor Ming (YBKM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Ops Siaga Raya Aidilfitri Tahun 2024 Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia yang diadakan di Pusat Beli Belah Sogo hari ini.

Ops Siaga Raya Aidilfitri ini dilaksanakan untuk menyusun strategi awal bagi persediaan dan kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk menghadapi insiden-insiden kecemasan yang dijangka berlaku sepanjang musim perayaan Aidilfitri yang akan menjelang tiba tidak lama lagi.

YBKM ketika berucap merasmikan majlis berkata, program kesedaran awam seumpama ini adalah satu platform terbaik untuk tujuan pendidikan, penguatkuasaan, pencegahan dan pemantauan dalam aspek keselamatan terutama ketika musim perayaan.

“Usaha proaktif ini merupakan inisiatif strategik ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang amalan keselamatan dan pencegahan kebakaran, mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya dan memberi pendedahan kepada umum tentang keselamatan ketika melaksanakan aktiviti di musim perayaan,”katanya.

Pada masa sama, YBKM turut menyambut baik usaha dan langkah-langkah penguatkuasaan yang agresif oleh JBPM dengan mewujudkan pasukan *task force* bagi melaksanakan pemeriksaan bagi menghapuskan risiko dan bahaya kebakaran di premis.

“Inisiatif melaksanakan pemeriksaan keselamatan kebakaran di bangunan-bangunan perumahan awam, bilik sewa “sarang burung”, rumah-rumah inap (homestay), pasaraya dan pusat membeli belah dapat memberikan impak kepada kecaknaan pemilik premis dan penghununi terhadap aspek keselamatan,”ujar beliau.



Untuk rekod, sehingga 28 Mac 2024, JBPM telah melaksanakan 4,900 pemeriksaan penghapusan bahaya kebakaran (MBK) di seluruh Malaysia manakala sempena ops musim perayaan pula, sepanjang bulan Mac 2024 ini sahaja, sebanyak 558 pusat membeli belah dan pasaraya telah diperiksa dengan jumlah 74 notis telah dikeluarkan.

JBPM turut merekodkan sebanyak 315 pemeriksaan terhadap kondominium, apartment dan pangsapuri dengan 309 notis telah diberikan.

Pada majlis sama, turut diadakan adalah penyampaian Sijil Perakuan Bomba (FC) kepada premis-premis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan dan dikenalpasti memenuhi keperluan kebombaannya.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyerahan Bakul Makanan Sumbangan PERISMA, MyFundAction dan Speedmart 99 Sdn. Bhd. kepada Pengarah-Pengarah Bomba Negeri.

Dalam pada itu, sebanyak lima (5) unit jentera *Compact Fire Rescue Tender* (CFRT) telah diserahkan oleh YBKM kepada tiga (3) Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri pada majlis hari ini iaitu JBPM Negeri Selangor (2 unit), JBPM Negeri Johor (2 unit) dan JBPM Negeri Perak (1 unit).

JBPM telah membuat perolehan sebanyak 150 unit jentera CFRT melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM145.8 juta. Pembekalan bagi jentera ini dibuat secara berfasa serta akan diagihkan secara berperingkat dan dijangka selesai sepenuhnya pada tahun 2018.

Di penghujung majlis, YBKM turut menyempurnakan acara Pelepasan Pasukan Ops Siaga Raya Aidilfitri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai simbolik kepada perasmian majlis hari ini.

Disediakan oleh:

**Bahagian Pengurusan Korporat**  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
30 Mac 2024

